

19 OCT 2001

Tajol-Peruntukan

PERAK YAKIN BELANJAKAN PERUNTUKAN RM51.9 JUTA MENJELANG AKHIR TAHUN

IPOH, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri Perak yakin peruntukan RM51.9 juta yang diperolehinya di bawah pakej rangsangan ekonomi dapat dibelanjakan sepenuhnya menjelang hujung tahun ini walaupun hanya 3.6 peratus yang digunakan setakat ini.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, sejumlah 1,363 projek diluluskan di bawah pakej ransangan itu tetapi hanya 43 yang sudah disiapkan.

Beliau yakin baki projek dapat disiapkan mengikut jadual kerana ia adalah projek-projek kecil seperti membuat jalan, membina dan memperbaiki dewan yang melibatkan peruntukan di bawah RM100,000 setiap satu.

"Projek seperti buat jalan ini dapat disiapkan dalam dua bulan. Masalahnya apabila kita hendak buat semua dalam masa serentak, berlaku kekurangan bahan binaan dan mesin-mesin," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Pembangunan Negeri di sini hari ini.

Katanya, kerajaan negeri menerima RM49 juta daripada pakej ransangan ekonomi RM4.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas manakala baki RM2.9 juta datangnya daripada peruntukan yang diperolehi oleh menteri-menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen dari negeri ini.

Beliau berkata ada projek yang masih belum bermula kerana ia masih di bawah kajian mengenai kesesuaian tapak.

Tajol Rosli berkata beliau telah mengarahkan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pengarah Pembangunan Negeri memantau perkembangan semua projek itu bagi memastikan ia berjalan lancar dan siap menjelang hujung tahun.

Beliau juga berkata kerajaan negeri akan merayu kepada kerajaan Pusat supaya mengkaji semula keputusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang tidak memasukkan projek persimpangan bertingkat Alor Pongsu dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

"Kita mahu EPU tidak melihat pada bilangan trafik sahaja. Yang penting ialah kesan pembinaannya kepada pembangunan Perak Utara iaitu kawasan Semanggol, Selama, Larut dan Lembah Beriah," katanya.

Katanya, projek berharga RM30 juta itu akan membolehkan Lembah Beriah menjadi pusat perindustrian baru yang menawarkan tanah yang lebih murah kepada industri dari Pulau Pinang.

Walaupun mengikut perjanjian, Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) akan membina persimpangan itu pada 2011, Tajol Rosli berkata ia terlalu lambat dan mahu kerajaan Pusat mengambil alih pembinaannya.

-- BERNAMA

AR RHM